



16 MAR, 2023

JKDM capai sasaran kutip RM2.1 bilion

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM capai sasaran kutip RM2.1 bilion

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah berjaya memungut hasil kutipan cukai sebanyak RM2.1 bilion seperti yang disasarkan pada tahun lepas.

Pengarahnya, Mohd Nasir Deraman, berkata hasil sumbangan levi daripada kelapa sawit, petroleum dan juga aktiviti cukai dalam negeri iaitu cukai perkhidmatan dan jualan serta aktiviti daripada Pelabu-

han Sepanggar merupakan sumbangan terbesar.

"JKDM ditetapkan untuk memungut hasil dan pada awal tahun ini diberi unjuran disebabkan oleh keadaan ekonomi.

"Pada peringkat awal, agak rendah berbanding tahun lepas iaitu bagi Zon Sabah RM 1.6 bilion termasuk Wilayah Persekutuan Labuan," katanya kepada media selepas mengadakan kunjungan hor-

mat terhadap Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahirudin di Istana Seri Kinabalu, pada Selasa.

Terdahulu, Presiden Persatuan Bekas Penuntut Maktab Sabah (OSCA), Pangiran Putra Pangiran Omar dan rombongan turut membuat kunjungan hormat bagi memperkenalkan barisan Jawatankuasa OSCA Sesi 2022/ 2024 yang baharu, selain memaklumkan perkembangan persatuan berkenaan

kepada Tun Juhar selaku Penaung.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan majlis makan malam amal bagi mengutip dana untuk membina bangunan OSCA di Likas akan diadakan pada 28 Oktober depan. - Penerangan



PENERANGAN: Juhar (kanan) mendengar penerangan Nasir (kiri) semasa kunjungan hormat itu.



16 MAR, 2023

JKDM capai sasaran kutip RM2.1 bilion

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah berjaya memungut hasil kutipan cukai sebanyak RM2.1 bilion seperti yang disasarkan pada tahun lepas. Pengarahnya, Mohd Nasir Deraman, berkata hasil sumbangan levi daripada kelapa sawit, petroleum dan juga aktiviti cukai dalam negeri iaitu cukai perkhidmatan dan j ualan serta aktiviti daripada Pelabuhan

Sepanggar merupakan sumbangan terbesar. "JKDM ditetapkan untuk memungut hasil dan pada awal tahun ini diberi unjukan disebabkan oleh keadaan ekonomi.